

CNS7701

R GB 25-09 00178 BA539

aab

MALAYSIA AKAN KAJI ZON BAGI INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI

Mahathir - Teknologi

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

LIMERICK, 25 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji kemungkinan mewujudkan zon bebas bagi semua industri teknologi tinggi, termasuk industri kapal terbang, demikian dibayangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Zon seumpama itu, yang akan mencontohi Zon Bebas Shannon di Ireland, boleh ditempatkan di Pulau Langkawi atau berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang selepas lapangan terbang antarabangsa yang baru dibina di Sepang, katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar bagi wartawan Malaysia pada akhir lawatan rasmi beliau selama empat hari ke Ireland.

Minat Malaysia kepada industri kapal terbang sudah terbukti daripada langkahnya menganjurkan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) dan penubuhan AIROD, yang menjalankan akitiviti seperti pengendalian dan pembaikan kapal terbang.

Dr Mahathir menghabiskan masa separuh hari semalam dan hari ini dengan mendengar taklimat dan melawat Zon Bebas Shannon yang terletak kira-kira 30 km dari sini. -- Lagi.

▼25/09/20-45MST

Mahathir - Teknologi 2 Limerick

Zon seluas kira-kira 240 hektar itu dimajukan dan diuruskan oleh Shannon Development Corporation, sebuah badan kerajaan, dan menempatkan 110 industri perkilangan dan penyenggaraan dari seluruh dunia, termasuk Amerika Syarikat.

Zon yang diwujudkan pada 1959 itu kini memberi pekerjaan kepada lebih daripada 5,000 orang.

Dr. Mahathir berkata Malaysia telah mempelawa sesetengah daripada syarikat yang beroperasi di sini untuk menempatkan semula sebahagian daripada operasi mereka atau membuka cawangan di Malaysia.

Ini bagi membolehkan mereka mendapatkan pasaran di Asia Tenggara dan Asia Timur, yang lebih besar daripada pasaran Eropah yang menjadi sasaran bagi kebanyakan eksport mereka.

Terdapat juga kemungkinan, pada kemudian nanti, bagi syarikat Malaysia pula merebut peluang pelaburan dalam pasaran Eropah yang menguntungkan itu, katanya.

Mengenai hasil secara keseluruhan lawatan beliau ke Ireland, Dr Mahathir, yang berlepas lewat hari ini untuk lawatan tidak rasmi ke Ireland Utara, berkata beliau sukacita kerana beliau dan rombongannya telah diberi sambutan baik bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh sektor swasta.

Semasa di Ireland, beliau telah menemui rakan sejawatannya Albert Reynolds dan pemimpin sektor swasta. -- Lagi.

▼25/09/20-46MST

R GB 25-09 00151 BA541

aab

Mahathir - Teknologi 3 Limerick

Beliau berkata prospek untuk meningkat kerjasama antara kedua-dua negara kini semakin baik, terutama dalam lapangan pendidikan.

Dr Mahathir gembira kerana Ireland bersedia menerima lebih banyak pelajar Malaysia dalam bidang perubatan. Jumlahnya tidak dihadkan, asalkan dalam lingkungan kemampuan universiti-universiti berkenaan untuk menerimanya.

Beliau yakin bahawa Malaysia akan juga memperolehi bantuan Ireland dalam bidang kakitangan akademik, bukan sahaja untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar perubatan di universitinya tetapi juga untuk memenuhi keperluan institusi lain yang mungkin ditubuhkan kemudian nanti.

Mengenai Perundingan Asia Timur (EAEC), Dr Mahathir berkata bahawa kepimpinan Ireland tidak mempunyai bantahan terhadapnya.

Mereka memahami hasrat Malaysia dalam mencadangkan penubuhan EAEC kerana mereka juga terlibat dalam kumpulan ekonomi yang lebih besar seperti Kesatuan Eropah (EC), katanya.

Malahan, tegasnya, tidak ada satu pun antara anggota EC yang pernah menyarakan tentangan terhadap gagasan EAEC. -- Lagi.

▼25/09/20-58MST

R GB 25-09 00143 BA542

aab

Mahathir - Industri 4 Limerick

Mengenai soal sama ada Malaysia benar-benar bimbang terhadap kelemahan mata wang Eropah sekarang, terutama pound Britain ekoran krisis Mekanisme Kadar Pertukaran Eropah (ERM), Dr. Mahathir berkata beliau percaya bahawa kekeliruan sekarang merupakan keadaan yang sementara sahaja.

Katanya sistem kewangan itu akan menjadi setabil lama-kelamaan.

+Pada peringkat awalnya, eksport Malaysia ke Britain, termasuk Proton Saga, sudah pasti akan menjadi lebih mahal daripada dahulu kerana mata wang pound semakin lemah.

+Bagaimanapun, memandangkan negara-negara ini juga bergantung kepada bahan mentah yang diimport bagi sesetengah barangan yang dikeluarkan oleh mereka, mereka juga terpaksa membayar harga yang lebih mahal untuk bahan-bahan itu.

+Kos bahan yang lebih tinggi akan menaikkan harga bagi barangan siap dan dengan cara itu daya saing barangan kita tidak akan banyak terjejas dalam jangka panjang.+ -- Lagi.

▼25/09/21-12MST

aab

Mahathir - Industri 5 (Akhir) Limerick

Mengenai lawatan tidak rasmi beliau ke Ireland Utara dan Scotland, Dr Mahathir berkata beliau akan mengambil peluang itu untuk melawat kilang kepunyaan Shorts Brothers bagi mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai teknologi yang digunakan dalam pembuatan bahagian-bahagian kapal terbang.

Beliau berkata Malaysia mungkin dapat mempelajari sesuatu daripada syarikat itu.

Di Scotland, beliau akan melawat limbungan kapal yang membina dua buah kapal yang ditempah oleh Malaysia untuk tentera lautnya. -- Bernama.

▼25/09/21-18MST